

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
4 November 2025

SD Guthrie Menduduki Tempat Teratas dalam Penilaian SPOTT Minyak Sawit Global

Guthrie mendahului syarikat-syarikat minyak sawit global lain dalam ketelusan pendedahan amalan kemampunan dengan catatan skor 97.5% dalam SPOTT, satu inisiatif oleh Zoological Society of London

Petaling Jaya, 4 November 2025 – SD Guthrie Berhad buat julung-julung kalinya meraih tempat pertama dalam penilaian tahunan minyak sawit SPOTT. Mencatat skor 97.5% dalam penilaian ketelusan, pencapaian tersebut merupakan satu lagi mercu tanda Guthrie dalam perjalanan kelestariannya, mencerminkan komitmen berterusan syarikat tersebut dalam aspek ketelusan danserta pengeluaran minyak sawit lestari.

SPOTT yang diperkenalkan oleh Zoological Society of London (ZSL), menilai syarikat-syarikat minyak sawit, perhutanan tropika, dan getah asli setiap tahun berdasarkan lebih 100 indikator berhubung faktor-faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) untuk menanda aras kemajuan mereka dari semasa ke semasa.

“Pencapaian Guthrie meraih kedudukan nombor satu dalam SPOTT mencerminkan komitmen kami terhadap kebolehesanan (traceability) dan sumber bekalan yang bertanggungjawab - di manakedua-duanya amat penting dalam memperkukuhkan kepercayaan pihak berkepentingan. Kami berbesar hati kerana usaha berterusan kami untuk meningkatkan kebolehesanan dan ketelusan pelaporan telah diiktiraf melalui pencapaian skor yang lebih tinggi kali ini,” kata Rashyid Redza Anwarudin, Ketua Pegawai Kelestarian Guthrie. Pada tahun 2024, Guthrie berada di tempat ketiga dengan skor 94.8%.

Top 10 Companies Ranked In The 2025 SPOTT Assessment

COMPANY	RANK	TOTAL SCORE	CHANGE	TOTAL INDICATORS	DISCLOSURE	ENGAGED	HEADQUARTERS	LANDBANK	MARKET CAP
SD Guthrie Bhd	1	97.5%	+2.7	191			Malaysia	641.8 KHa	\$7,788.3M
United Plantations Bhd	=2	97.1%	+1.1	184			Malaysia	57.8 KHa	\$2,646.4M
R.E.A. Holdings plc	=2	97.1%	+5.6	172			United Kingdom	69.1 KHa	\$45.8M
Daabon Group	4	96.4%	-1.0	182			Colombia	20.8 KHa	Private co.
Dharma Satya Nusantara Tbk	5	95.7%	+4.7	173			Indonesia	131.2 KHa	\$788.5M
Johor Plantations Group Bhd (previously Kulim (Malaysia) Bhd)	6	95.1%	+6.3	162			Malaysia	55.8 KHa	\$732.2M
Apical Group	7	95%	+1.7	121			Singapore	N/A	Private co.
AgroAmerica	8	93.6%	+3.5	184			Guatemala	24.4 KHa	Private co.
Goodhope Asia Holdings Ltd	9	92.5%	+0.5	189			Singapore	100.1 KHa	Private co.
Wilmar International Ltd	10	92.4%	+0.1	192			Singapore	351.2 KHa	\$14,733.6M

Disclosure Types:  Organisation  Policy  Practice

SPOTT menilai sejauh mana tahap pendedahan amalan-amalan kelestarian syarikat-syarikat dilaksanakan secara terbuka melalui pendedahan umum dan pelaporan bagi menyokong sektor kewangan dan pihak berkepentingan rantai bekalan untuk menguruskan risiko ESG. Bagi industri minyak sawit, sejumlah 100 syarikat pengeluar, pemproses dan pedagang telah dinilai berdasarkan pendedahan awam berhubung organisasi, dasar dan amalan-amalan berkaitan isu ESG yang telah dilaksanakan. Setiap syarikat menerima skor peratusan yang menanda aras kemajuan mereka dari semasa ke semasa.

“Mencapai ketelusan dalam amalan kelestarian di seluruh organisasi kami bukanlah sesuatu yang mudah, memandangkan skala operasi global Guthrie. Pengiktirafan ini mengukuhkan lagi tekad kami untuk terus meningkatkan lagi piawaian serta memacu perubahan positif dalam industri ini, melalui pelbagai lagi penglibatan dan kerjasama,” tambah Rashyd.

Di kalangan 10 syarikat teratas dalam SPOTT tahun ini, Guthrie memiliki simpanan tanah terbesar. Ia beroperasi di 12 negara, dengan operasi hulu di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon, serta memenuhi keperluan dan permintaan para pelanggan di lebih 80 negara. Lebih 46,000 pekebun kecil merupakan sebahagian daripada rantai bekalan Guthrie, sekaligus memberi cabaran kepada inisiatif ketelusan yang dilaksanakan oleh Guthrie. Menjelang tahun 2035, Guthrie menyasarkan sokongan kepada sekurang-kurangnya 50,000 pekebun kecil bagi mendapatkan akses pasaran yang lebih luas. Guthrie juga merupakan syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah hijau sifar bersih yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi).

Klik di [sini](#) untuk melihat senarai penuh syarikat-syarikat yang dinilai di laman web SPOTT.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada pengebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau sifar bersih yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM36.90 bilion (USD8.79 bilion) setakat 3 November 2025, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.sdguthrie.com.

Atau hubungi:

- **Hafiz Noor, Ketua, Komunikasi Strategik**
Tel: +6019-424 8283 | E-mail: hafiznoor@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Ketua, Konten dan Saluran Penyiaran**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com